

# WARISAN

## WARISAN

KDN 7890

ISSN 1511-8320

Bil. 23, 2000



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

## KANDUNGAN

- 2** Kata Alu-Aluan  
*Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad*
- 4** Dari Meja Editor  
*Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim*
- 7** Sidang Pengarang
- 8** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Biro Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 10** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan-Kawasan 1999/2000  
Kawasan Kuala Pilah.  
Kawasan Port Dickson  
Kawasan Tampin  
Kawasan Jelebu  
Kawasan Rembau  
Kawasan Seremban  
Kawasan Jempol
- 15** Penulisan Tentang Adat Perpatih: Satu Sorotan Awal  
*Aiani Sudeen*
- 30** Kepimpinan Adat dalam Adat Lingkungan dan Adat Istiadat Istana  
*Noor Hayati Hj. Ibrahim*
- 62** Adat Istiadat Melantik dan Menjemput Pulang Datuk Lembaga Luak Rembau  
*Tok Puteh Ramly Hj. Shamsudin*

- 71** Adat Berkadim dalam Luak Jempol  
*Rahimi NS*
- 85** Tragedi Sungai Lui  
*Jamaludin Samsudin dan Izhab Harun*
- 92** Lintasan Sejarah Kerajaan Melayu Rembau:  
Melalui Tempat dan Tinggalan Bersejarah  
*Norhalim Hj. Ibrahim*
- 133** Kegiatan Orang Rawa di Negeri Sembilan: Satu Kajian Awal  
*Abd. Rahim bin Ismail*
- 143** Mohd. Faridun bin Haji Jonid: Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999  
dan Datuk Mangkubumi Luak Rembau  
*Norzali Hj. Ibrahim*
- 151** Marhaban! Marhaban!! Selamat Datang!!  
*Za'ba*
- 153** Surat kepada Ketua Editor  
*Rahimi NS*
- 154** Cakap Eden  
*Jamaludin Samsudin dan Aiani Sudeen*
- 155** Hiasan kulit: Istana Ampang Tinggi  
*Norhalim Hj. Ibrahim*
- 157** Jawapan Cakap Eden
- 158** Laporan Aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan  
Rembau 1999/2000  
*Norhalim Hj. Ibrahim*
- 169** Nota kepada Penyumbang



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC.  
*Menteri Besar Negeri Sembilan*



## *Kata Alu-Aluan*

Menteri Besar Negeri Sembilan  
merangkap  
Yang Dipertua  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan

**P**ersatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan kawasan-kawasannya secara tidak langsung telah menyahut seruan saya dalam "Kata Alu-Aluan" terbitan Warisan tahun lalu. Sepanjang tahun 1999 dan bahagian pertama tahun 2000, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, melalui aktiviti kawasan telah berjaya menemukan kesan baru dan memperbaiki kesan lama sejarah Negeri Sembilan. Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Jempol misalnya, dengan kerjasama Pejabat Daerah Jempol dan Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Sembilan telah berjaya mengenal pasti Jalan Penarikan. Begitu juga dengan Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau dengan kerjasama Pejabat dan Majlis Daerah Rembau sedang merancang membaik pulih kawasan bersejarah seperti Kuala (Kota) Pedas dan Danau Sisik Emas untuk dijadikan kawasan rekreasi yang boleh menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.

Di samping mengenal pasti dan membaik pulih tempat dan kesan bersejarah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan melalui Kawasan juga semakin peka dengan aktiviti seni budaya yang semakin menghilang. Semua ini adalah hasil daripada kejayaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999. Kepada semua ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan berharap akan melipatgandakan usaha-usaha berkenaan.

Sehubungan dengan perkara di atas, **Warisan** terbitan ini selain artikel-artikel biasa, cuba mengutarakan dan mengenalkan semula beberapa aspek budaya Negeri Sembilan yang kurang diketahui masyarakat umum.

Dengan terbitnya artikel-artikel tersebut, masyarakat umum khususnya orang Negeri Sembilan faham dan kenal akan budaya sendiri. Pemahaman ini akan menjadikan generasi muda mempunyai jati diri dan beridentiti. Justeru itu ia boleh menjadi benteng kepada kemasukan anasir-anasir budaya negatif yang berleluasa sekarang. Masyarakat yang tidak jati diri akan mengalami kehancuran.

**Warisan** terbitan pertama alaf baru ini memperlihatkan perubahan. Pertama sekali bidang jurnal ini diperluaskan merangkumi segala yang boleh dianggap sebagai warisan Negeri Sembilan. Kedua, terbitan kali ini memuatkan senarai jawatankuasa kawasan. Dengan termaktubnya senarai ini maka kita mendokumentasikan sumbangan mereka kepada pergerakan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan juga Kawasan tempat mereka bergerak aktif. Tanpa kerjasama sukarela mereka, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan tidak mungkin bergerak. Ketiga, terbitan kali ini memberikan laporan aktiviti Kawasan melalui gambar. Ini adalah juga satu usaha untuk mendokumentasikan aktiviti yang dijalankan, bukan sahaja kepada Persatuan tetapi juga bagi daerah atau kawasan berkenaan. Pendokumentasian aktiviti tersebut secara tidak langsung memberi tahu masyarakat awam bahawa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan peka dalam pembangunan jati diri berdasarkan sejarah dan budaya.

Saya harap dalam keluaran yang akan datang setiap Kawasan akan melaporkan kegiatan masing-masing dalam **Warisan**.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Pengarah **Warisan** kerana berjaya menerbitkan jurnal kali ke-23. Kepada semua penulis yang memberi sumbangan dalam penerbitan kali ini, saya bagi pihak Sidang Pengarah dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih dan berharap akan terus memberi sokongan dan sumbangan dalam terbitan-terbitan akan datang.

  
DATO' SERI UTAMA TAN SRI

HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

## *Dari Meja Editor*



### **Manusia Berbudaya Palsu**

**A**ntara budaya dan sejarah tidak ada garis pemisah. Sejarah membentuk budaya dan begitu sebaliknya: tanpa sejarah tiada budaya. Manusia yang melupakan sejarah bererti melupakan budayanya. Manusia tanpa sejarah dan budaya ialah manusia tidak beridentiti, tidak jati diri dan tidak berperibadi.

Kita mengenali seseorang itu orang Inggeris, Jepun atau apa sahaja bangsa seantero dunia melalui sejarah dan budaya atau dalam istilah tradisi Melayu, melalui adat yang diamalkannya. Kini kebanyakan manusia Melayu, mengakui diri berbudaya atau beradat Melayu tetapi pada hakikatnya mereka tidak kenal dan tidak faham tentang budaya atau adat yang kononnya mereka amalkan. Mereka tidak tahu mengapa sesuatu adat dan istiadat itu dilaksanakan, motif di belakangnya dan tujuan yang tersirat di sebaliknya. Justeru itu mereka tidak tahu lagi apakah budaya atau adat yang mereka amalkan itu budaya atau adat Melayu atau bukan? Mereka ini adalah individu Melayu palsu.

Individu Melayu palsu ini cuba berusaha menjadi units masyarakat yang tertonjol dalam masyarakat adat atau budayanya. Sekiranya beliau beradat, ketua adat misalnya atau apa sahaja kegiatan adat yang mereka lakukan, semata-mata kerana mahukan berimej (orang beradat). Mereka, setelah 'berjaya' mencapai kedudukan dan memperoleh imej yang konon bakal mengangkat darjatnya, tidak pernah ingin memperbaiki alam minda mereka untuk memperbaiki adatnya. Malahan tidak terarah memahami keluhuran yang bergaung di bawah

adatnya. Justeru itu, mereka tidak jujur dalam mengisi kedudukan dan imej yang mereka tagih dan kemudian mereka peroleh. Bahkan, imej, kedudukan dan ilmu pengetahuan secelet yang diperolehnya dimanipulasi menjadi alasan membenarkan amalan hidup yang jelas bertentangan dan aneh mengikut tradisi adatnya. Mereka inilah yang akan mensosialisasikan generasi muda Negeri Sembilan yang bakal menggantikan mereka dalam alaf baru ini.

#### Antara Artikel Terbitan Kali Ini

Menyedari hakikat ini, jurnal **Warisan** terbitan pertama alaf baru ini memaparkan beberapa aspek adat atau budaya Adat Perpatih untuk tatapan dan penghayatan para pembaca. Artikel-artikel ini ialah hasil penggalan beberapa orang anak watan Negeri Sembilan yang masih sayang adatnya walaupun mereka tidak berimej 'orang beradat'. Diharap dengan adanya paparan sebegini, masyarakat khususnya para pembaca akan lebih mengenali budaya atau adat Melayu Negeri Sembilan dan sekali gus mengurangkan pencemehan tentangnya.

**Warisan** terbitan kali ini juga menerbitkan kata alu-aluan Tan Sri Dr. Pendeta Hj. Zainal Abidin b. Hj. Ahmad atau lebih terkenal dengan Za'ba. Kepada pengkaji Za'ba, artikel ini dapat memberi sedikit sumbangan tentang zaman persekolahan beliau di Sekolah Melayu Batu Kikir dalam tahun 1907. Artikel ini juga boleh menambah pengisian Teratak Za'ba apabila teratak ini siap nanti.

Satu lagi kelainan **Warisan** terbitan ini ialah ruangan surat daripada pembaca. Ruangan ini dimulakan oleh Rahimi NS sebagai memberi maklum kepada umum tentang akan terbitnya kamus kosa kata dialek Negeri Sembilan. Surat ini berpunca daripada artikel Jamaludin Samsudin dalam **Warisan** 22, 1999.

**Warisan** terbitan kali ini juga memberi laluan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan untuk melaporkan aktiviti tahunan mereka. Untuk kali ini, Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau telah menyumbangkan aktivitinya untuk tatapan dan sumbang saran kepada kawasan-kawasan lain. Sidang redaksi berharap ruangan laporan kawasan ini akan berterusan dalam setiap penerbitan **Warisan** yang akan datang. Dengan demikian, tercapailah cita-cita **Warisan**



*selain menjadi arena akademik, sejarah dan budaya Negeri Sembilan juga menjadi lidah kepada aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan dan Kawasan Negeri Sembilan.*

*Nampaknya seruan daripada meja Pengarang Warisan 22, 1999 menjemput para penulis keturunan Cina dan India memberikan sumbangan tidak mendapat sambutan. Namun, sidang pengarang tidak berputus asa dan berharap mereka akan terpenggil untuk memberikan sumbangan dalam Warisan 24 nanti.*

### Terima Kasih

*Akhir sekali, saya bagi pihak sidang redaksi jurnal Warisan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan (PSMCNS) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Dipertua PSMCNS atas motivasi dan sokongan yang beliau berikan. Tanpa galakan dan cabaran yang berpunca daripada minat dan kecintaan beliau terhadap sejarah dan budaya Negeri Sembilan berkemungkinan besar jurnal Warisan ini akan menjadi bahan warisan pula.*

*Sidang redaksi juga mengucapkan terima kasih kepada setiap penulis yang menyumbangkan artikel untuk terbitan kali ini.*

*Kepada para editor saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas kesudian mereka secara sukarela meluangkan masa, tenaga dan memerah otak membaca, meneliti dan memperbaiki; diikuti pula dengan mengedit dan membaca pruf pertama dan kedua terbitan ini. Kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak, terima kasih juga saya ucapkan.*



\* NORHALIM HJ. IBRAHIM

## **Sidang Pengarang**

### **Ketua Editor**

Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim

### **Editor**

Aiani binti Sudeen  
Jamaludin bin Samsudin

© Hakcipta: Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan

*Warisan* ialah jurnal keluaran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Makalah-makalah yang diterbitkan dalam *Warisan* bukan semestinya pendapat Ketua Editor atau Editor jurnal ini. Editor bertanggungjawab membuat pemilihan kepada kandungan *Warisan* dan berhak menolak makalah-makalah yang dirasakan tidak layak diterbitkan. Pendapat-pendapat yang dikemukakan serta ketepatan fakta-fakta yang diterbitkan dalam makalah adalah merupakan tanggungjawab penulis sendiri.

Sumbangan makalah daripada para ilmuan, budayawan, peminat sejarah dan budaya Negeri Sembilan hendaklah mengikut garis panduan yang diberikan dalam ruang "Nota kepada Penyumbang" yang diterbitkan dalam setiap isu *Warisan*. Segala surat menyurat dan sumbangan makalah hendaklah dialamatkan kepada :

Ketua Editor  
Jurnal Warisan  
Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
498 Lorong Margosa 16/2  
Margosa Height  
70400 Seremban.

Dicetak oleh:  
World Machine Trading  
101 Jalan Dato' Bandar Tunggal  
70000 Seremban.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
1999 - 2000**

***Yang Di Pertua***

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama  
Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad  
SPNS., PSM., DSNS., PMC.  
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

***Naib Yang Di Pertua***

Dato' Haji Sudin bin Kamari  
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus  
(hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah  
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
(mulai Oktober 1999)

- Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Pen. Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari Kehormat*** : Encik Tilak Raj Sharma
- Pen. Bendahari Kehormat*** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Pengarang Kehormat*** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Ahli Jawatankuasa*** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris  
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek  
Tn. Haji Ismail bin Adnan  
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman  
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
- Pemeriksa Kira-Kira*** : Tuan Haji Mohd. Jan bin Othman  
Encik R. Pachappan a/l Rajagopal

**JAWATANKUASA KERJA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1999/2000**

*Pengerusi*

Dato' Haji Sudin bin Kamari  
(Hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah  
(Mulai Oktober 1999)

- Setiausaha** : Tn. Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Penolong Setiausaha** : Tn. Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari** : Encik Tilak Raj Sharma
- Penolong Bendahari** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris  
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek  
Tn. Haji Ismail bin Adnan  
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman  
En. Ibrahim bin Abdul Rahman  
Ustaz Sayuti bin Mamat  
Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin  
Tn. Haji Mazlan bin Borhan  
Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman  
Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim  
Wakil Muzium Negeri  
Wakil Maktab Perguruan Raja Melewar  
Wakil Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- Ketua-Ketua Biro**
- Penerbitan : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Lawatan : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
- Ceramah/Seminar : Tn. Haji Ismail bin Adnan
- Pertandingan : Tn. Haji Zahidin bin Haji Sidek
- Koleksi/Rakaman : Encik Ibrahim bin Abdul Rahman
- Kewangan : Encik Tilak Raj Sharma
- Buletin "Dari Jendela" : Tn. Haji Mohd. Misan bin Mastor

**JAWATANKUASA KAWASAN-KAWASAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN****KAWASAN KUALA PILAH**

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Naib Yang Dipertua	: Alias bin Abdul Ghani
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Noor bin Abdul Ghani
Pen. Setiausaha Kehormat	: Rokiah bte. Yusof
Bendahari Kehormat	: Tan Lye Kiat
Ahli Jawatankuasa	: Alias bin Tijad Salma bin Mustapa Sabariah bte. Shukur Abd. Latif bin Idrus Tn. Haji Annuar bin Yaacob Abdul Rahman bin Ismail Zainal bin Adam Lee Chin Siong Chan Meng Chai Pn. Hajjah Rohayati binti Abdullah Zakaria bin Sulaiman M. Sokanathan Zakiah
Pemeriksa Kira-kira	: Maspan bin Mat Ubin Yaakob bin Salleh

**KAWASAN PORT DICKSON**

Penaung	: YB. Tuan Haji Sainy bin Edris
Yang Dipertua	: Malik bin Sohor
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamarudin bin A. Hassan
Setiausaha Kehormat	: Abd. Rahim bin Ismail
Pen. Setiausaha Kehormat	: Azmi bin Ayob
Bendahari Kehormat	: Rusiah binti Jalil
Ahli Jawatankuasa	: Hassan bin Hamzah Awalludin bin Abu Hassan Azmi bin Mohammad Abd. Razak bin Ibrahim Muzahar bin A. Samad Kuttappan Zaharah binti M. Nadzir Toh Hong Su Zakaria bin Mohamad P. Kandasamy
Pemeriksa Kira-Kira	: Shamsuddeen bin Abd. Aziz Yeo Ing Kiat

**KAWASAN TAMPIN**

Yang Dipertua	: Tn. Haji Ismail bin Adnan
Naib Yang Dipertua	: Kamarudin bin Udin
Setiausaha Kehormat	: Pn. Hajjah Esah binti Jantan
Pen. Setiausaha Kehormat	: Tn. Haji Mohd. Isa bin Haji Wahab
Bendahari Kehormat	: Tn. Haji Ibrahim bin Yon
Ahli Jawatankuasa	: Mohd. Kadzri bin Haji Ibrahim Nordin bin Mohd. Nor Rokiah binti Kamaruddin

	Mohd. Jaafar bin Kassim
	Mohd. Farid bin Haji Mohd. Yatim
	Abara bin Ahmad Munir
	Vickraman
	Tn. Haji Azam bin Md. Atan
	Nordin bin Sulaiman
	Kassim bin Ahmad
Pemeriksa Kira-Kira	: Tn. Haji Hussin bin Hassan Jabal
	Maspan bin Ubin

### KAWASAN JELEBU

Penaung	: Yang Teramat Mulia Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Haji Musa bin Wahab
Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman
Naib Yang Dipertua	: Zakaria bin Arshad
Setiausaha Kehormat	: Tn. Haji Ibrahim bin Che' Mat
Pen. Setiausaha Kehormat	: Idris bin Haji Ludin
Bendahari Kehormat	: Tn. Haji Syed Loed bin Syed Yusof
Ahli Jawatankuasa	: Mohd. Amir bin Mohd. Baki Jamali bin Salam Baharom bin Mohd. Amin Tn. Haji Husein bin Rashid Samsudin bin Hamidan Haliza binti Yusof Mohd. Razali bin Abdul Rahman Zainab binti Idris
Pemeriksa Kira-Kira	: Razak bin Junus Tn. Haji Zainal Abidin bin Hj. Ahmad

**KAWASAN REMBAU**

Penaung	: Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Dato' Mohd. Sharip bin Haji Othman
Yang Dipertua	: Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Faiz b. Hj. Burhanuddin
Setiausaha Kehormat	: Mohamad bin Haji Amoi
Pen. Setiausaha Kehormat	: Norzali bin Haji Ibrahim
Bendahari Kehormat	: Dato' Haji Nordin bin Awal
Ahli Jawatankuasa	: Datuk Purba Yahya bin Abdul Ghani Tok Putih Ramly bin Hj. Shamsuddin Tn. Haji Zainudin bin Alias Hamzah bin Majid Tn. Haji Abdul Aziz bin Haji Ahmad Taha bin Mohideen Aiani binti Sudeen
Pemeriksa Kira-kira	: Nordin bin Baharom

**KAWASAN SEREMBAN**

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Naib Yang Dipertua	: Latifah binti Mohd. Rashid
Setiausaha Kehormat	: Zainab binti Yacob
Pen. Setiausaha Kehormat	: Sadariah binti Md. Jali
Bendahari Kehormat	: Norlia binti Abd. Karim
Pen. Bendaharai Kehormat	: Siti Zaharah binti Abd. Hamid
Ahli Jawatankuasa	: Azahar bin Jamaludin Kong Sang Junaidah binti Ibrahim



	Azimi bin Abdul Rahman
	Chai Lai Ching
	T. Thanemothy
Pemeriksa Kira-Kira	: R. Mugundan
	Rahimah binti Ibrahim

### **KAWASAN JEMPOL**

Penaung	: YB. Dato' Haji Lilah binti Haji Yasin
Penasihat	: Tn. Haji Ujang bin Taha
	Shahidan bin Mokhtar
	Sayuti bin Mamat
	Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamaruddin bin Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Robiah binti Hamid
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Amirudin bin Yaman
Pen. Setiausaha Kehormat	: Abd. Aziz bin Otman
Bendahari Kehormat	: Rohana binti Mohd. Yusof
Ahli Jawatankuasa	: Amir Sharifudin bin Ahmad
	Tn. Haji Kahar bin Kasim
	Mohan Singh
	Zainal Abidin bin Idris
	Jamaludin bin Samsudin
	Salim bin Sarif
	Rosidah binti Abd. Rahman
Pemeriksa Kira-Kira	: Tn. Haji Hadi bin Abdul Ghani
	Elmy Azizan bin Abdul Aziz .

## KEGIATAN ORANG RAWA DI NEGERI SEMBILAN SATU KAJIAN AWAL

Oleh: Abd. Rahim bin Ismail

### Pendahuluan

Asal usul orang Rawa sebenarnya masih lagi samar-samar. Apa yang ditemui setakat ini ialah mereka dikatakan berasal dari Sumatera. Wilkinson (1955:953) telah mencatatkan secara longgar bahawa orang-orang Rawa ialah imigran-imigran dari kawasan tengah Sumatera tetapi bukannya orang Minangkabau. Mereka ialah golongan orang asli Siak atau orang Rau yang tinggal di Tapanuli iaitu dari satu kawasan yang terletak di barat Tasik Toba (Lihat Lampiran 1).

Milner, (1978:144) mengutip dari *The Encyclopaedia van Nederland-schIndie* menyatakan bahawa Rau adalah satu daerah yang terletak di utara Lubuk Sikaping, residensi tenggara Sumatera, bersempadan dengan residensi Tapanuli. Kawasan Rau itu ialah mencakupi nagari Panti, Padang Gloegoer, Lansat Kadep (Kodok), Tandjoeng-Ratoeng, Taroeng-Taroeng, Padang Noenang, Loeloek Lajang, Padang Mantinggi, Langoeng dan Kota Radja.

### Aktiviti Orang Rawa di Negeri Sembilan

Umumnya orang-orang Rawa dikatakan telah berhijrah ke Tanah Melayu pada pertengahan kurun ke-19 bersama-sama penghijrahan yang dilakukan oleh orang-orang Minangkabau. Hal ini jelas melalui catatan Gullick (1978:35) yang menulis "sedangkan di Negeri Sembilan yang kebanyakan penduduk terdiri daripada orang Minangkabau, terdapat sekurang-kurangnya sebuah daerah Bugis (di Linggi) dan peniaga-peniaga Rawa sudah begitu ramai dalam tahun 1848 hingga cukup memberi nama mereka pada satu perang saudara". Namun bagitu kedatangan orang Rawa ini mungkin lebih

awal dari tahun tersebut jika merujuk catatan Wilkinson (1971:289) kerana pendatang Minangkabau datang ke Semenanjung sejak abad ke-16 lagi iaitu selepas Melaka ditakluki pada tahun 1511. Lebih awal di sini jika diterima bahawa kedatangan orang Rawa adalah seiring dengan penghijrahan orang Minangkabau ke Semenanjung. Kedatangan mereka bertambah ke Tanah Melayu setelah wilayah Rawa di Sumatera ditakluk oleh Belanda melalui Perang Padri (Lihat Lampiran 2). Kawasan ini secara total telah di-takluk oleh Belanda pada tahun 1835, ini mengakibatkan berlakunya penghijrahan beramai-ramai orang Rawa ke Timur Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu (Milner, 1978:147).

Walaupun sarjana sejarah tidak dapat menentukan bila tarikh sebenar orang Rawa berhijrah dan berada di Semenanjung tetapi peranannya di Tanah Melayu cukup penting. Orang Rawa telah berada di negeri Perak, Selangor dan Pahang. Contoh yang jelas dapat diberikan di Perak, iaitu selain orang Melayu jati dan orang Minangkabau yang pindah masuk terdapat juga orang Bugis (dari Sulawesi), orang Kerinci, orang Rawa, orang Mandaling dan orang Batak dari Sumatera (Gullick, 1978:35). Di Pahang mereka telah terlibat dalam Perang Saudara (1857-1863) dengan berpihak kepada Wan Ahmad yang menentang Wan Mutaahir. Pihak yang disokong oleh mereka telah memenangi perang saudara itu. Salah seorang daripada orang Rawa iaitu Panglima Muda, anak Tuk Khatib telah dilantik menjadi orang besar oleh Wan Ahmad.

Penglibatan awal orang-orang Rawa pada peringkat awal kedatangan mereka adalah sebagai pelombong emas dan pedagang, Namun begitu, Residen Kounselor Macpherson telah menggambarkan orang-orang Rawa yang datang ke negeri-negeri Melayu sebagai bangsa yang gemar/gila berperang kerana mereka telah lama berperang dengan pihak Belanda dalam Perang Padri (Milner, 1978:145). Hal ini mungkin ada kebenarannya kerana penglibatan mereka di Melaka dan Negeri Sembilan lebih berbentuk kekerasan. Dalam tahun 1855 pihak Inggeris di Melaka telah menerima acuman dan aduan daripada pemerintah Sungai Ujong dan Rembau. Aduan yang telah dibuat ialah orang-orang Rawa merupakan pengacau dan mengganggu pemerintahan di kedua-dua kawasan ini. Orang Melayu dan Cina yang belayar di Sungai Linggi sering dirompak dan ini juga telah menyebabkan perdagangan di Melaka turut mengalami kerugian besar. Penglibatan seperti ini juga wujud di Pahang hinggalah mereka telah berani membunuh rakyat Pahang. Raja Pahang akhirnya meminta pihak berkuasa Inggeris di Melaka menangkap orang Melaka yang menjadi pembekal senjata

kepada orang Rawa. Pengaruh golongan ini juga semakin kuat disebabkan sikap orang Melayu tempatan yang tidak berminat dengan cara hidup yang menggunakan kekerasan. Mereka dikatakan telah menjadi sebahagian daripada anggota pasukan bersenjata bagi pembesar-pembesar Melayu. Sebaliknya orang Melayu pada masa itu lebih suka menjadi petani (Gullick, 1978:36). Antara ketua orang Rawa ialah Datu Jatee, Rajah Debalang, Hajee Moosah, Rajah Moodah dan Mertaga Malim.

Penglibatan mereka di Negeri Sembilan dikatakan bermula pada tahun 1820-an lagi. Menurut Parr dan Mackray (1910-19) seorang pembesar dari Linggi ketika menyerang Rembau telah diiringi oleh ramai orang Rawa. Seterusnya golongan ini mula melibatkan diri dalam konflik di Sungai Ujong pada tahun 1820-an dalam usaha mereka mengawal sumber-sumber perdagangan. Ruang untuk mereka melibatkan diri wujud apabila berlakunya krisis perlantikan Datuk Klana Sungai Ujong. Apabila Datuk Klana Bahi meninggal dunia, sepatutnya Syed Abdul Rahman dilantik menggantikannya (Lihat Lampiran 3). Namun kerana beliau masih muda dan kekurangan sokongan maka para pembesar Sungai Ujong telah melantik Kawal sebagai Datuk Klana Sungai Ujong yang ke-4. Masalah ini hilang begitu sahaja apabila Syed Abdul Rahman membawa diri ke Ulu Langat. Pada tahun 1848, konflik ini muncul semula apabila aktiviti orang Rawa menjadi begitu cergas di Sungai Ujong. Mereka ialah golongan pedagang yang bijak sehingga mampu memonopoli perdagangan di Sungai Ujong dan juga Pahang. Apabila Datuk Klana Kawal membunuh tiga orang Rawa, golongan ini mula menentanginya. Bagi menyelesaikan masalah ini, Syed Abdul Rahman yang ketika itu berada di Ulu Langat telah diminta menjadi orang tengah oleh Datuk Klana Kawal. Namun, beliau bertindak lebih jauh dengan meminta bantuan orang Rawa bagi menjatuhkan Datuk Klana serta melantik beliau menjadi Datuk Klana tetapi gagal. Konflik Datuk Klana Kawal dengan orang Rawa hanya dapat ditamatkan pada tahun 1853. Walaupun begitu, Syed Abdul Rahman masih menjadi watak penting dalam sejarah Sungai Ujong. Sewaktu Datuk Klana Sendeng memegang pemerintahan di Sungai Ujong, Syed Abdul Rahman telah diberikan gelaran Laksamana Raja Laut. Akhirnya pada tahun 1873 beliau dipilih untuk menjadi Datuk Klana bagi menggantikan Datuk Klana Sendeng (Khoo Kay Khim, 1972:121, Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:256).

Pada masa Datuk Klana Sendeng memegang tampuk pemerintahan di Sungai Ujong, orang Rawa sekali lagi membangkitkan huru-hara. Datuk Klana Sendeng dalam usaha menghapuskan huru-hara ini telah meminta

pertolongan daripada Datuk Bandar Sungai Ujong iaitu Datuk Bandar Lebai (datuk bandar kesembilan), namun begitu, Datuk Bandar Lebai tidak mahu memberikan pertolongan wang dan ubat bedil (Buyong Adil, 1981:8). Ketika keadaan menjadi tegang, muncul Manja Khatib membantu Datuk Klana Sendeng. Bantuan ini telah menamatkan huru-hara yang dicipta oleh orang Rawa. Sebagai membalas budi Manja Khatib, Datuk Klana Sendeng telah memecat Datuk Bandar Lebai dan jawatan itu kemudiannya diserahkan kepada Manja Khatib dengan gelaran Datuk Bandar Tunggal (1849-1874). Pentadbirannya dikatakan tidak bijak hingga membawa kepada campur tangan Inggeris di Sungai Ujong. Permusuhan Datuk Bandar dengan Datuk Klana Sungai Ujong menjadi semakin meruncing apabila Haji Ahmad bin Md. Ali menjadi Datuk Bandar (1874-1928). Datuk Klana Sungai Ujong iaitu Datuk Klana Syed Abdul Rahman meminta pihak Inggeris membina jalan raya dan sebuah penjara tetapi tidak dipersetujui oleh Datuk Bandar. Akhirnya berlakulah konflik hingga membawa kepada perang saudara. Datuk Klana dengan bantuan Inggeris telah berjaya menawan Rasah pada 14.10.1874 apabila Datuk Bandar bersetuju menyerah diri kepada Inggeris. Natijah daripada peperangan ini ialah Inggeris telah campur tangan dalam hal ehwal Sungai Ujong. Di samping itu, Inggeris juga telah membantu orang Melayu Minangkabau secara beransur-ansur menghalau keluar peniaga Bugis dan Rawa dari wilayah ini (Gullick, 1978:36).

Selain kawasan Sungai Ujong, orang Rawa juga bergerak cergas di Lenggeng iaitu di Kampung Mandom. Kampung Mandom pada waktu itu merupakan sebuah kampung yang didiami oleh kaum yang tidak begitu suka bercampur-gaul dengan orang lain. Namun begitu, mereka yang dipimpin oleh Datuk Tan Ali hidup dengan kesenangan dan kekayaan. Mereka terdiri daripada 12 buah keluarga yang memiliki banyak kerbau. Kekayaan ini telah menyebabkan mereka diserang secara mengejut oleh orang Rawa. Masyarakat kampung ini terpaksa meninggalkan kampung mereka dan mencari perlindungan di Pantai. Orang Rawa ketika itu berhimpun di Kajang dan merupakan suku yang kuat dan suka berperang. Melalui Kajang suku itu juga dikatakan menyerang penduduk Sungai Ujong. Mereka akan membunuh yang lelaki dan merampas perempuan serta kanak-kanak yang mereka jual di Pahang atau tempat-tempat lain (Samad Idris, 1968:303).

Orang Rawa bukan sahaja menguasai Kampung Mandom tetapi juga menjadikannya markas untuk menyerang Ampangan. Namun tindakan pantas Datuk Klana Kawal yang berada di Rembau telah menyelamatkan keadaan daripada berlakunya perang antara Sungai Ujong dengan orang

Rawa. Bagi menyelesaikan permusuhan ini Datuk Klana telah menerima dua orang utusan Panglima Garang Latun iaitu Si Taral dan Sultan Besar. Hasil daripada pertemuan ini Datuk Klana bersetuju membenarkan Panglima Garang Latun mengutip cukai daripada penduduk Cina yang tinggal di Songpoh, kawasan Lenggeng serta Setul. Ketika itu juga Datuk Klana mengisytiharkan supaya semua anak buah Datuk Tan Ali (Waris Salasilah) kembali ke tanah mereka masing-masing. Namun waris ini enggan berbuat demikian, akhirnya kawasan ini diserahkan kepada orang Rawa.

Orang Rawa yang tinggal di sini mengerjakan sawah dan menjual hasil mereka kepada pelombong-pelombong Cina di Songpoh. Apa yang perlu mereka lakukan ialah membayar 10 gantang padi sebagai ufti kepada Datuk Klana. Kemakmuran dan kemewahan hasil daripada tanaman padi telah menarik minat orang Minangkabau berhijrah ke Lenggeng. Lama kelamaan kekuasaan orang Rawa semakin berkurangan di Lenggeng kerana diganti oleh kekuasaan orang Minangkabau. Oleh itu orang Rawa terpaksa berhijrah semula ke Kajang dan kawasan di sempadan antara Selangor dan Negeri Sembilan.

### **Kesimpulan**

Walaupun kegiatan mereka dapat dibentasi oleh orang Minangkabau dan pihak Inggeris, namun kehadiran mereka telah membentuk satu sejarah yang tersendiri di Negeri Sembilan. Kehadiran mereka telah menggugat keadaan di Rembau malahan menurut Parr dan Mackray (1910:17) "Rembau hanya diketahui setelah berlakunya Prang (Perang) Rawa". Malahan dalam Perang Rawa kedua pada 1826 penglibatan mereka cukup jelas dalam membantu Datuk Klana Kawal Sungai Ujong semasa menyerang Rembau. Namun begitu pengekalan kuasa mereka di Negeri Sembilan kalau hendak dibandingkan dengan orang Minangkabau cukup besar bezanya.


Orang Minangkabau lebih mementingkan penguasaan politik sedangkan orang Rawa lebih memilih bidang perdagangan dan menjadi tentera upahan. Dua faktor inilah yang mungkin menyebabkan kaum Rawa tidak mempunyai kuasa memerintah di Negeri Sembilan sejak dahulu hinggalah kini. Di sudut sejarah haruslah diingat bahawa kaum Rawa juga sama pentingnya dengan kaum Minangkabau dalam usaha membangunkan Negeri Sembilan terutamanya sebelum kemasukan kuasa Inggeris pada 21 April 1874 melalui perjanjian yang ditandatangani oleh Datuk Klana Sungai Ujong dan Datuk Muda Linggi dengan Sir Andrew Clarke. Orang

Rawa walaupun tidak begitu kuat di Negeri Sembilan tetapi mereka dikatakan memainkan peranan besar dalam pembukaan Kuala Lumpur (Milner, 1978:145) dan yang mengasaskan Kaum Muda (Roff, 1974:57-90).

### **Bibliografi**

- Buyong Adil, Haji. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1981.
- Buyong Adil, Haji. *Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu. 1952.
- Gullick, J.M. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987.
- Khoo Kay Kim. *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1972.
- Milner, M.C. 'A Note On The Rawa'. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*. 51(2):143-148. 1978.
- Marsden, W. *History of Sumatra*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1966.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995.
- Parr, C.W.C. dan W.H. Mackray. 'Rembau One of The Nine States: Its History, Constitution and Customs'. *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*. 56:1-157. 1910.
- Roff, W.R. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1974.
- Samad Idris, A. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu Berhad. 1968.
- Tate, D.J.M. *The Making of Modern South-East Asia. Volume 1. The European Conquest*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.
- Wilkinson, R.J. *A Malay-English Dictionary (Part II)*. London: Macmillan & Co. Ltd. 1955.
- Wilkinson, R.J. 'Notes on the Negeri Sembilan'. *Papers on Malay Subject. Part III*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.

**Lampiran 1 PETA : PENEMPATAN ORANG RAWA**  
 Sumber: D.J.M. Tate: 1971:hlm 151  
 Lihat juga William Masden: 1966.





**Lampiran 1****PERANG PADIRI/PIDARI**

Berdasarkan sejarah gerakan padri/pidari ini dimulakan oleh tiga orang Haji Minangkabau yang pulang dari Mekah dalam tahun 1803. Mereka terpengaruh dengan Gerakan Wahabbi. Gerakan ini bermula di Agam di bawah pimpinan Tuanku Mansiangani dari Pandai Sikat dan Tuanku nan Rancheh dari Kamang. Gerakan ini kemudiannya mempengaruhi imam-imam di kawasan Lubok Sikaping, Rai, Batipuh dan Tanah Datar. Antara tokoh imam yang terkenal ialah Tuanku Imam Bonjol.

Perang ini berlaku sebanyak dua kali. Perang Padri yang pertama berlaku pada tahun 1819 iaitu sejurus selepas Inggeris menyerahkan kembali kawasan timur Sumatera kepada Belanda. Perang ini berlaku kerana golongan bangsawan tempatan takut kedudukan mereka digugat oleh golongan bangsawan tetapi juga untuk mengawasi aktiviti perdagangan mereka. Bagi tujuan ini, golongan bangsawan seperti Tuanku Surauasu dan beberapa orang penghulu yang lain meminta Belanda memberikan bantuan. Belanda telah menghantar pasukan tentera di bawah pimpinan Lt. Kolonel Raaffe pada tahun 1822. Akhirnya pada 22 Januari 1824 beliau telah berjaya membuat perjanjian dengan golongan pemimpin gerakan ini di Masang. Perjanjian ini telah berjaya menghadkan gerakan paderi. Beberapa bulan selepas itu gerakan ini kembali cergas setelah Belanda melanggar syarat perjanjian dengan melanggar kubu kuat golongan paderi di Pandai Sikat. Kolonel de Stuers (pengganti Lt. Kolonel Raaffe - terbunuh di Padang pada April 1824) telah berjaya menamatkan gerakan ini sekali lagi dengan bantuan pedagang-pedagang Arab bagi memujuk Tuanku nan Rancheh. Satu perjanjian damai telah ditandatangani di Padang pada bulan November 1825.

Perang Padri Kedua bermula di kawasan Tiku, Tapanuli hingga Ayer Bangis pada tahun 1831. Setelah itu perang ini merebak ke Tilatang dan Kamang. Gerakan kali ini diketuai oleh Tuanku Imam Bonjol dan Tengku Muda. Belanda pada masa yang sama terpaksa menghadapi masyarakat Jawa pimpinan Dipo Negoro dalam Perang Jawa. Disebabkan pihak Belanda kurang memberikan perhatiannya, maka gerakan paderi telah menguasai Agam. Belanda telah melantik Ali Basah Prawirodirjo untuk menghadapi gerakan ini. Setelah Perang Jawa tamat, Belanda di bawah Gabenor Jeneral-


nya Johannes van de Bosch telah mengatur strategi baru untuk menamatkan gerakan ini. Bosch melalui perisytiharan 'Plakat Panjang' telah menarik balik cukai-cukai yang tidak munasabah atas masyarakat di daerah yang sedang berperang, mengubah sistem judi, import garam dan candu, ketua-ketua tempatan dibayar gaji berdasarkan status mereka, mengembalikan semula pentadbiran kepada ketua-ketua tempatan dan Belanda berhak campur tangan di kawasan yang terlibat dengan gerakan paderi demi keamanan rakyat dan untuk mengelakkan perpecahan masyarakat. Tindakan ini dapat menambat hati pembesar dan segelintir masyarakat. Pada 1836 kawasan penguasaan gerakan ini dapat dikawal oleh Belanda kecuali di wilayah Bonjol dan wilayah penguasaan Tuanku Tembusai sahaja. Akhirnya Belanda dengan bantuan orang Bugis telah berjaya menewaskan gerakan ini. Tuanku Imam Bonjol ditahan dan dijatuhkan hukum buang negeri iaitu ke Betawi kemudian ke Ambon dan akhirnya ke Minahasa, tempat beliau meninggal dunia pada 1864. Manakala Tuanku Tembusai pula ditahan di Dalu-Dalu tetapi kemudiannya ghaib daripada pandangan tanpa sebarang kesan. Kejatuhan dua orang pemimpin ini menamatkan Perang Padri. Sewaktu perang ini berlaku, ramai penduduk (termasuk orang Rawa) di kawasan yang terlibat dengan peperangan melarikan diri dengan migrasi ke Sumatera Timur dan kemudiannya ke kawasan barat Tanah Melayu.

Diterjemahkan dari Tate, 1871:152-156.

**Lampiran 3**

**RAJAH: DATUK-DATUK KLANA SUNGAI UJONG**

Sumber: Buyong Adil:1952:149



**MOHD. FARIDUN BIN HAJI JONID, PMC., PJK**  
 TOKOH GURU NEGERI SEMBILAN DAN  
 DATUK MANGKUBUMI LUAK REMBAU

*Oleh: Norzali Hj. Ibrahim*

### **Pendahuluan**

Tahun akhir abad ke-20 merupakan tahun bertuah kepada Mohd. Faridun bin Haji Jonid. Pada 20 Februari 1999 beliau telah dipilih bagi menjawat pusaka adat bergelar Datuk Mangkubumi. Pusaka ini adalah salah satu jawatan dalam struktur dan organisasi politik adat Luak Rembau. Datuk Mangkubumi adalah salah seorang daripada Orang Besar Undang Luak Rembau. Pada 22 Mei 1999 pula beliau telah dipilih daripada para pendidik dalam Negeri Sembilan sebagai 'Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999'.



### **Sejarah Pusaka Datuk Mangkubumi Luak Rembau**

Pusaka Mangkubumi telah diwujudkan dalam tahun 1790-an selepas peristiwa tidak puas hati Pasah daripada waris Biduanda Sedia Raja Kampung Tanjung tentang perlantikan Pekak sebagai Penghulu Rembau ke-10. Pasah telah pergi menghadap Sultan Mahmud Shah (1761-1812) di Lingga. Tetapi tuntutan Pasah gagal. Untuk tidak menghampakan, beliau dikurniakan gelaran Datuk Mangkubumi. Pusaka Datuk Mangkubumi merupakan pusaka bagi perut waris Biduanda Jawa Kampung Tanjung sahaja. Jawatan pusaka ini bertaraf Orang Besar dan kekal hingga hari ini. Tugas Datuk Mangkubumi hari ini adalah sebagai penasihat kepada Undang Luak Rembau.

Ada juga pendapat mengatakan pusaka Datuk Mangkubumi ini anugerah Raja Siak kepada salah seorang waris Biduanda Jawa (Sedia Raja) yang telah melawat Siak (Parr dan Mackray, 1910:31).

## Latar Belakang Keluarga

Pada 16 September 1935, hasil perkahwinan Haji Jonid bin Haji Abu Bakar, daripada suku Biduanda Jakun (waris Lela Maharaja), Kampung Gadung, Kota dengan Puan Putih binti Haji Dahan, daripada suku Biduanda Jawa (waris Sedia Raja), Kampung Tanjung, telah memperoleh seorang putera dan diberi nama Mohd. Faridun. Adat Rembau menjalurkan keturunan berdasarkan nasab ibu. Dengan demikian suku Mohd. Faridun adalah mengikut suku ibunya iaitu suku Biduanda Jawa.

Puan Putih, ibu Mohd. Faridun ialah adik kepada Datuk Abdullah bin Haji Dahan C.B.E., Undang Luak Rembau ke-18 (1922-1938). Ibunya menjadi suri rumah sepenuh masa. Bapa Mohd. Faridun bertugas sebagai Penolong Jurutera, Jabatan Kerja Raya, Tampin.

Mohd. Faridun telah dilahirkan di Seremban. Kini beliau menetap di No. 10, Kampung Mulia, Rembau, Negeri Sembilan.

Mohd. Faridun telah menamatkan zaman terunanya dengan mendirikan rumahtangga bersama Siti Rohani binti Shafie pada tahun 1961. Siti Rohani adalah daripada suku Batu Belang dan memperolehi kelulusan *Lower Certificate of Education* pada tahun 1959. Beliau ialah suri rumahtangga sepenuh masa. Hasil perkahwinan tersebut mereka telah dikurniakan lima orang cahaya mata, empat orang perempuan dan seorang lelaki.

## Pendidikan Awal

Mohd. Faridun telah mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Kota dari tahun 1941 hingga tahun 1945 dan tamat darjah enam. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Sekolah King George V Seremban dari tahun 1946 hingga memperoleh *Cambridge School Certificate* pada tahun 1955. Dalam tahun 1958 beliau telah memasuki Maktab Perguruan Bahasa (lebih dikenali sebagai *Language Institute* atau LI ketika itu) sehingga tahun 1959. Selepas berjaya memperoleh Sijil Perguruan, Mohd. Faridun telah dilantik menjadi guru di Sekolah Menengah Chan Wa, Seremban, sebagai guru Bahasa Melayu dari tahun 1960 hingga tahun 1961. Kemudian beliau telah bertukar ke Sekolah Rendah Inggeris Chembong sebagai guru Bahasa Inggeris sehingga tahun 1963. Apabila Sekolah Menengah Melayu Chembong (sekarang Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau) dibuka dalam tahun

1963, beliau telah bertukar ke sekolah tersebut sebagai guru matematik sehingga tahun 1981.

Atas kewibawaan beliau dalam bidang perguruan, pada tahun 1982 beliau telah dinaikkan pangkat sebagai guru besar sekolah gred B di Sekolah Kebangsaan Salak Nama Rembau sehingga tahun 1984. Dalam tahun 1984 Mohd Faridun telah ditugaskan sebagai Guru Penolong Kanan sekolah gred A di Sekolah Kebangsaan Tunku Besar Tampin. Beliau telah memegang jawatan tersebut sehingga tahun 1986 yang seterusnya memilih persaraan pilihan.

Semasa bertugas sebagai pendidik, beliau telah menghadiri beberapa kursus perguruan, pentadbiran dan pengajaran. Antaranya Kursus Asas Pengurusan Pendidikan, anjuran Kementerian Pendidikan daripada 26 Februari hingga 25 Mac 1984 dengan memperoleh kelulusan kepujian.

### Aktiviti Luar

Mohd. Faridun juga merupakan seorang yang aktif dalam bidang sukan. Beliau pernah menjadi ketua pasukan hoki, pemain bola sepak dan ragbi Maktab Perguruan Bahasa dari tahun 1958 hingga 1959. Beliau juga merupakan pemain pasukan Hoki Melayu Negeri Sembilan dari tahun 1959 hingga 1961 dan pemain Tenis Melayu Negeri Sembilan pada tahun 1962 hingga 1970.

Di samping bersukan, beliau juga aktif dalam badan beruniform. Pada tahun 1953 beliau giat dalam pasukan pengakap dan telah mencapai taraf pengakap kelas pertama. Di samping itu, beliau juga berbakat dalam seni lakon. Antara drama yang pernah dilakokan ialah "Robohnya Kota Lutut" yang dipentaskan dalam tahun 1958.

### Khidmat Masyarakat

Sebagai seorang pendidik dan peka dengan masalah sosial sekelilingnya, terutama yang berkaitan dengan remaja, Mohd Faridun telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat. Beliau telah memberikan khidmat dengan menganggotai beberapa jawatankuasa. Antaranya ialah:

- |    |  |             |
|----|--|-------------|
| 1. | Lembaga Pelawat Taman Seri Rembau              | 1980 - 1998 |
| 2. | Pengerusi Badan Kebajikan Juvana Daerah Rembau | 1984 - 1992 |

3.	Jawatankuasa Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Negeri Sembilan	1988 - 1991
4.	Jawatankuasa Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Daerah	1988 - kini
5.	Penasihat Mahkamah Juvana Daerah Rembau	1988 - kini
6.	Jawatankuasa KEMAS Rembau	1994 - kini
7.	Pengerusi Tetap UMNO Cawangan Tanjung Sena Rembau	1994 - kini
8.	Penasihat Badan Kebajikan Perkampungan KMDSR	1997 - kini
9.	Jawatankuasa Keselamatan Badan Kebajikan Perkampungan	1998 - kini

Dalam khidmat masyarakat beliau juga sering menghadiri kursus kemasyarakatan. Antara kursus yang dihidirinya ialah Konvensyen Kebajikan Juvana Kebangsaan di Subang Jaya dalam tahun 1989, Kursus Perlindungan Kanak-kanak Negeri Sembilan/Melaka di Melaka dalam tahun 1990 dan Konvensyen Kebajikan Juvana Kebangsaan di Melaka pada tahun 1991.

### **Pingat**

Atas jasa dan khidmat kebajikan yang aktif, pada tahun 1986 beliau telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.). Memandangkan beliau semakin aktif dalam perkara-perkara kemasyarakatan, dua tahun kemudian, dalam tahun 1988 sekali lagi beliau telah mendapat anugerah. Kali ini beliau telah mendapat anugerahkan Pingat Masyarakat Cemerlang (P.M.C.) daripada Paduka Seri Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

### **Menyandang Pusaka Adat**

#### ***Besar Dalam Waris***

Sebagai yang dinyatakan di atas, Mohd Faridun adalah seorang anak watan luak Rembau yang terkenal dengan Adat Perpatihnya. Beliau ialah anggota suku Biduanda Jawa iaitu salah satu suku pemerintah adat di luak Rembau. Kerjayanya sebagai seorang pendidik, di samping aktif dalam hal-hal kemasyarakatan menjadi beliau terkenal dan menjadi pemimpin tidak formal dalam masyarakat khususnya di kalangan anggota sukunya. Untuk mengukuhkan lagi kedudukannya serta memberikan ruang untuk berperanan dengan lebih aktif, khususnya dalam pembangunan adat, dalam tahun 1975 Mohd Faridun telah dipilih sebagai penyandang pusaka Besar Dalam Waris Sedia Raja, Kampung Tanjung. Pusaka yang disandangnya itu

membawa gelaran Penghulu Menteri. Gelaran ini beliau sandang sehingga awal tahun 1999.

### *Datuk Mangkubumi*

Menjelang akhir tahun 1998, penyandang pusaka adat Datuk Mangkubumi yang sedia ada telah digugurkan atas sebab-sebab adat. Mohd Faridun adalah salah seorang yang dicalonkan oleh ahli suku Biduanda Jawa Kampung Tanjung untuk mengisi kekosongan pusaka tersebut. Selepas beberapa perkampungan dan kerapatan adat di kalangan ahli suku Biduanda Jawa khususnya waris Kampung Tanjung, nama beliau telah dimasukkan dalam senarai yang terpilih bagi jawatan pusaka adat itu.

Pada 15 Februari 1999 satu ujian bertulis dan temu duga telah diadakan di Balai Undang Luak Rembau bagi memilih calon untuk mengisi kekosongan pusaka Datuk Mangkubumi itu. Mohd Faridun telah berjaya mengatasi calon-calon lain dalam senarai terpilih dalam ujian tersebut. Pada 20 Februari 1999, bertempat di Balai Undang Luak Rembau, Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman, Undang Luak



*Mohd. Faridun bin Hj. Mohd. Jonid dengan sebahagian Calon penyandang pusaka sedang menghadiri ujian bertulis.*

Rembau ke-21 telah bersabda mengisytiharkan bahawa Mohd Faridun bin Haji Jonid telah dipilih menyandang pusaka Datuk Mangkubumi. Pusaka Penghulu Menteri yang sedia disandangnya sejak tahun 1975 gugur dengan sendirinya. Dengan itu termaktublah beliau sebagai penyandang pusaka yang membawa gelaran Datuk Mangkubumi.

Sebaik sahaja pemasyhuran dibuat, Mohd Faridun bin Haji Jonid telah dibawa balik ke telapak ibunya di Kampung Tanjong, Kota. Beliau dibawa balik ke rumah ibu dan tidak ke rumah isterinya kerana pusaka yang disandangnya itu adalah pusaka kepunyaan waris ibunya dan bukan isterinya. Justeru itu beliau harus membawa balik pusaka itu ke tempat asalnya terlebih dahulu.



Di rumah ibunya itu beberapa persiapan adat telah dibuat bagi menyambut ketibaan Datuk Mangkubumi Mohd Faridun, di samping mengadakan kenduri doa selamat dan kesyukuran oleh sanak saudaranya. Untuk mengadakan majlis sambutan dan kenduri ini pihak yang terlibat secara langsung ialah sanak saudara dan bukan mereka yang seperut atau "anak buah". Datuk Mangkubumi Mohd Faridun, sebagai Orang Besar Undang (begitu juga Orang Besar Undang yang lain - Datuk Syahbandar, Datuk Menteri Lela Perkasa dan Datuk Raja Diraja) tidak mempunyai anak buah seperti datuk-datuk lembaga.

Berikutan dengan perlantikan ini Datuk Mangkubumi harus menjalani dua adat dan istiadat. Pertama ialah adat menjemput dan kedua adat menyalang.

### 1. *Adat Menjemput*

Dalam adat melantik penyandang pusaka yang baru, adat menjemput diwajibkan kerana mulai saat pemasyhurannya, Mohd Faridun bukan lagi cikgu atau Tok Menteri Penghulu Mohd Faridun tetapi adalah Datuk Mangkubumi Mohd Faridun, Orang Besar Undang dari suku Biduanda Jawa waris Kampong Tanjung. Sehubungan dengan itu buapak suku isterinya, suku Batu Belang, bersama dengan saudara kadim isterinya dan orang tempat semenda harus menjemput Datuk Mangkubumi Mohd Faridun balik ke rumah isterinya. Mereka datang mestilah membawa tepak sirih. Setelah mengadakan upacara beradat barulah Datuk Mangkubumi Mohd Faridun di bawa balik ke rumah kediamannya. Datuk Mangkubumi Mohd Faridun telah didudukkan di anjung rumah yang siap bertilam pandak, berlelangit dan berkain tabir bersama isterinya. Tujuan beliau dan isteri duduk di ruang tersebut adalah untuk memudahkan sanak-saudara datang bertemu mengucapkan tahniah kepadanya.

### 2. *Adat Menyalang*

Setiap Orang Besar Undang dan datuk-datuk lembaga yang baru dilantik sebagai penyandang pusaka adat, diwajibkan menghadap Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau. Adat tersebut dinamakan adat menyalang.

Adat menyalang bertujuan bagi merestui perlantikan penyandang pusaka berkenaan secara rasmi mengikut adat istiadat Rembau. Datuk Mangkubumi Mohd Faridun bin Haji Mohd Jonid bersama empat orang penyandang pusaka baru, dua orang Orang Besar Undang - Datuk Syahbandar dan Datuk Raja Diraja dan dua orang lembaga - Datuk Setia Maha-



*Datuk Mangkubumi Mohd. Faridun bin Hj. Jonid dan isteri Puan Siti Rohani bt. Shafie pada hari pemasyhuran menyandang pusaka pada 20 Februari 1999*

*Datuk Mangkubumi Molid. Faridun dan isteri diapit oleh (dari kiri) Tok Hj. Yunus bin Dayung, Besar suku, Datuk Andika Kasbi bin Yaacob, Lembaga Suku Batu Belong dan Datuk Maharaja Inda Hj. Abdul Samad bin Hassan, Lembaga Suku Tanah-Datar.*



*Datuk Andika Kasbi memasyhurkan Mohd. Faridun bin Haji Jonid sebagai penyandang pusaka Datuk Mangkubumi*

raja dan Datuk Sutan Bendahara telah mengadakan adat menyalang kepada Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau di kediaman rasminya di Balai Seri Lela, Kampung Mungkal, Sepri pada 28 April 1999 bersempena sambutan hari Rembau ke-661 tahun. Adat menyalang tersebut telah dijalankan dengan penuh adat istiadat Rembau. Pada ketika itu Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau, Dato' Lela Maharaja Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman telah menyampaikan wafikah perlantikan secara rasmi kepada setiap penyandang pusaka baru.

*Datuk Mangkubumi Mohd. Faridun sedang menerima watikah perlantikan daripada YTM Dato' Undang Luak Rembau semasa 'istiadat menyalang penyandang pusaka' yang baru pada 28 April 1999*



### **Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999**

Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Begitu juga dengan Datuk Mangkubumi Mohd Faridun bin Haji Mohd Jonid. Pada awal tahun 1999 beliau telah dimertabatkan sebagai Orang Besar Undang dalam Luak Rembau. Kewibawaan beliau tidak sahaja tampak dan menyerlah dari aspek adat tetapi juga dari aspek kerjayanya sebagai pendidik.

Atas jasa-jasanya dalam pendidikan dan masyarakat, beliau telah dicalonkan dan dipilih daripada ratusan rakan sejawatnya sebagai tokoh guru Negeri Sembilan. Pada 22 Mei 1999, bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pedas, beliau telah dimertabatkan sebagai Tokoh Guru Negeri Sembilan tahun 1999. Anugerah Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999 itu telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Tan Sri Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan.



*Datuk Mangkubumi Mohd. Faridun sedang menerima anugerah okoh Guru Negeri Sembilan 1999 daripada YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Dato' Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad menteri Besar Negeri Sembilan pada 22 mei 1999*

### **Bibliografi**

- Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995.
- Parr, C.W.C. dan W.H. Mackray. "Rembau. One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs". *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*. 56. 1910.

## MARHABAN! MARHABAN!! SELAMAT DATANG!!

Oleh: Za'ba

### Pengenalan

Za'ba atau nama penuhnya Zainal Abidin bin Ahmad, anak watan Negeri Sembilan yang seorang ini, tidak perlu diperkenalkan lagi. Anak kelahiran Batu Kikir ini ialah raksaksa dalam perkembangan minda orang Melayu, khususnya dalam bidang bahasa Melayu. Banyak hasil karya beliau telah diterbitkan, sama ada dalam akhbar, majalah, jurnal akademik atau dalam bentuk buku. Di celah ratusan tulisan beliau itu masih ada karya beliau yang telah diterbitkan tetapi tidak diketahui umum kerana ditulis khas untuk tujuan atau penerbitan tertentu. Salah satu daripada penulisan tersebut diturunkan semula dalam jurnal *Warisan* terbitan ini.

Penulisan yang diturunkan di sini berjudul "Marhaban! Marhaban!! Selamat Datang!!". Makalah ini telah diterbitkan dalam terbitan sulung majalah tahunan Sekolah Menengah Batu Kikir, dalam tahun 1971 yang berjudul *Gigih* sebagai kata alu-aluan terhadap kelahiran majalah tersebut.

Untuk menjaga keaslian penulisan satu-satunya pendeta Melayu ini maka tidak dilakukan sebarang perubahan. Makalah ini diterbitkan semula seperti yang tercetak dalam majalah *Gigih*.

Penerbitan semula makalah ini diharapkan dapat serba sedikit membantu para penyelidik tentang riwayat hidup Za'ba. Dalam makalah ini beliau menceritakan kisah zaman awal persekolahannya di Sekolah Melayu Batu Kikir.



**MARHABAN! MARHABAN!!  
SELAMAT DATANG!!**

**Ambil-lah tempat-mu di-antara majallah<sup>2</sup> sekolah lain  
yang telah sedia ada !**

Saya merasa besar hati serta suka berchampur sayu menyahut seruan Enche Guru Besar mempelawa saya memberi sedikit "Kata Alu2an" bagi kelahiran "Majallah tahunan Sekolah Menengah Batu Kikir" ini buat pertama kali-nya. Servu kerana panggilan itu membawa balek kapada ingatan saya haf2 masa yang telah silam lebeh sa-tengah apad dengan segala kenang2an-nya di-Batu Kikir zaman itu. Tambahan pula semua kawan2 sa-saing saya masa itu telah dahulu belaka daripada saya meninggalkan pentas dunia ini.

Besar hati dan suka kerana saya ada-lah salah sa-orang daripada murid2 pertama yang berjumlah lebeh daripada 80 orang tatkala sekolah Melayu Batu Kikir mula2 di-buka dahulu, ia-itu (kalau tak silap) pada 1 Julai 1907, dan umur saya masa itu baharu 12 tahun. Murid2 pertama yang sa-ramai itu ada-lah dari berbagai2 perengkat umur di-antara 6 hingga 15 tahun, di-kumpul dari seluruh kampong kira2 2 batu di-sakeliling pusat Batu Kikir itu. Mereka semua-nya belum pernah merasa bersekolah lebeh dahulu dan oleh yang demikian semua-nya itu kena belajar dalam darjah I. Kechuali saya sa-orang, telah di-tingkatkan oleh Che'gu Besar sekolah itu dudok dalam darjah III, kerana saya telah belajar di-rumah di-bawah didekan bapa saya sendiri dan telah tahu menulis dan membaca Jawi serta sa-dikit rumi, dan telah tahu juga membuat kira2 champor tolak, dharab dan bahagi. Tetapi belum tahu membuat kira pechahan lagi!

Sekarang telah berlalu masa selama 64 tahun, dan saya pun telah berumur 76 tahun maka baharu-lah Batu Kikir merasa di-beri "Sekolah Menengah", dan sekarang juga baharu-lah ia merasa sekolah-nya berMajallah Tahunan. Ini ia-lah hasil dari kemerdekaan negara kita; kalau tidak tentu-lah sampai sekarang pun masih "Sekolah Melayu" lagi dan ia-itu bertaraf "Sekolah Rendah" sa-lama-nya2. Di-harap ledudukan taraf yang baharu (Menengah) ini akan di-jaga, di-pelihara dan di-pergunakan sa-penoh-nya2 oleh murid2 penuntut di-sekolah itu yang ada pada hari ini dan pada hari2 akan datang. Dengan demikian mudah2an jadi-lah sekolah ini benar2 berjaya melayakkan sabberapa banyak dari murid2-nya itu menaiki tangga2 lain yang membawa masuk ka-pintu2 pelajaran ka-atas dari tingkat "Menengah" itu, baik di-dalam negeri atau di-luar negeri.

Kembali kapada hal bersekolah di-Batu Kikir tadi. Oleh sebab saya tidak berkawan dalam darjah III maka di-utorkan oleh Guru Pelawat masa itu beberapa orang murid darjah II dan darjah III dan lam-nya dari sekolah Kuala Jempul, yang lebeh hampir rumah mereka ka-sekolah Batu Kikir, supaya berpindah belajar di-sekolah baharu Batu Kikir itu sahaja.

Tetapi saya belajar di-sekolah Batu Kikir hanya kadar tiga bulan sahaja. Kira2 pada akhir bulan September 1907 saya telah di-pindahkan oleh bapa saya ka-Kampong Linggi dalam daerah Port Dickson, ia-itu kampong asal nenek moyang saya sendiri kerana di-sana dapat mengaji Arab dan Nahu di-sibelah petang. Maka di-sekolah Melayu Linggi-lah saya telah belajar sa-hingga tamat darjah V dan masuk sekolah Inggeris pada awal Januari 1910 dengan tiada persetujuan bapa saya.

Untuk mengakhiri, maka dengan gembira saya ulangi mengucapkan Selamat Datang dan tahniah kapada "Majallah Sekolah Menengah Batu Kikir" ini. Moga2 bertambah2-lah kemajuan-nya dari masa ka-samasa "menampung segala kebolehan dan mengatasi sa-barang bakat pelajar2-nya dalam segala bidang penulisan dan persuratan" dan dalam kegiatan lain2 juga. Amin!

Yang benar,

Z'ABA

(Tan Sri Dr. Haji) Zainal Abidin b. Ahmad.

Petaling Jaya  
Kuala Lumpur.  
10hb September, 1971.

## ● SURAT DARIPADA PEMBACA ●

*Berikut diturunkan surat daripada pembaca sebagai tindak balas terhadap salah satu artikel terbitan Warisan keluaran 22, 1999. Untuk menjaga keasliannya, surat ini diterbitkan semula tanpa melakukan sebarang perubahan atau diedit.*

*Editor*

Sdra,

Pada bahagian PENUTUP artikel yang ditulis oleh Jamaludin Samsudin dengan judul: Dialek Negeri Sembilan - Satu pandangan (Warisan keluaran 22 tahun 1999) merumuskan

..... "Jika tiada sebarang gerakan dilakukan sekarang besar kemungkinan identiti Negeri Sembilan, khususnya dalam aspek DIALEK akan hilang di alaf baru nanti".

Saya berharap Sdra. Jamaludin Samsudin - janganlah hendaknya berasa risau dan gundah gulana. Dialek Negeri Sembilan tidak akan hilang di-alaf baru yang sedang kita bernafaskan ini. Kamus Kosā Kata Dialek Negeri Sembilah telahpun siap hanya menunggu dicetak. Insyā Allah Tahun 2000 ini akan dicetak dan dijual. Sila beli senaskhah nanti.

Sejak tahun 1992 lagi Persatuan Penulis Negeri Sembilan - PEN telah diberi tanggungjawab oleh Dewan Bahasa dan Pustaka K.L. kepada 5 orang penulisnya: Hj. Shahwan bin Mansor, Haji Hashim bin Ismail, Haji Ismail Mokhtar (Allahyarham), Puan Siti Eishah bt. Rashid dan saya sendiri, Rahimi NS.

Projek itu telah siap pada tahun 1997 (penghujung), telah diedit dan diperbetulkan tetapi masalah kos percetakannya yang menyebabkan ianya lewat diterbitkan. Yang mana kita tahu pada tahun itu ekonomi agak sedikit terjejas. Kita tunggu kelahirannya.

Sekian. Terima kasih.

  
A. RAHIM B. HJ. ISMAIL, PJK.  
SRI ADHAQ KG. KATA,  
72200. BATU KIKIR, N.S.

# Cakap Eden

Kelolaan :  
Jamaludin Samsudin  
dan Aiani Sudeen

*Semenjak kebelakangan ini banyak perkataan dalam dialek Negeri Sembilan telah tidak digunakan lagi dan hampir dilupakan terutama sekali oleh generasi muda. Mari kita lihat sejauh mana anda mengetahui atau menggunakannya.*

1. **cucut** [čũčũt] A. sedut B. cucu C. piut D. sejenis rokok
2. **geseng** [gɛsɛŋ] A. Gasing B. Ginseng C. gesel D. sejenis tumbuhan
3. **hogar** [hɔgɑ:] A. Pagar B. Dengar C. Segar D. Goyang
4. **jigat** [jigat] A. Keras dan liat B. Laju C. Pijat D. Akar Kayu
5. **ingau** [iŋɑu:] A. Bangau B. Engkar C. ingat D. Keliru/ tak pasti.
6. **gorait** [gɔɔɔit] A. menjahit B. melekat dan bersimpul C. pelik D. kemas
7. **kepeh** [kɛpɛh] A. kepak B. tandus C. kapas D. basah
8. **kubeh** [kubɛh] A. cerah B. kebas C. kabus D. kibas
9. **kokongkak** [kɔʔɔŋkɑʔ] A. bongkak B. songkok C. perolok D. bengkak
10. **komamar** [kɔmɑmɑ] A. batu marmar B. kurma C. tergamam D. lamar
11. **lait** [lɛt] A. lampu picit B. kelar C. laut D. lagi
12. **leteng** [lɛlɛŋ] A. leter B. lentang C. jentik dengan jari D. susu getah
13. **licau** [licau] A. pintar B. habis C. licin D. sejenis binatang dalam air
14. **lompap** [-lompap] A. tetak B. teratak C. lompat D. lempang
15. **manjangan** [manjɑŋɑn] A. sentiasa B. polong C. panjang tangan D. dimanja
16. **moncel** [mɔnčɛh] A. berpeluh B. lebih dari sepatutnya C. untung D. kedekut
17. **ngulau** [ŋulɑu] A. makan B. dipulau C. gilap D. Sejenis tumbuhan atas air
18. **nyoragai** [ŋɔɔɔgɑɔ] A. menyeringai B. berbagai-bagai C. panjat D. raga rotan
19. **poletok** [pɔlɛtɔʔ] A. Burung belatuk B. bekas air C. pulas D. peletup
20. **ruyup** [ɔjɔp] A. Sejenis cendawan. B. ranap C. ruyung D. basah kuyup